

KEPENTINGAN PENDIDIKAN SEKSUAL DALAM GURU PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI SABAH

The Importance of Sex Education in The Early Childhood Education

Stefanie Yohanes¹, Azizah Zain^{2*}, Nurhaziqah Salimin³

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim,
Perak, Malaysia^{1,2&3}

d099587@siswa.upsi.edu.my¹, azizah.zain@fpm.upsi.edu.my^{2*}, nrhaziqahslmn@gmail.com³

*Corresponding Author

Diterima: 20 Jan 2025; **Disemak semula:** 17 April 2025; **Diterima:** 02 Ogos 2025; **Diterbitkan:** 11 Ogos 2025

To cite this article (APA): Zain, A., Stefanie Yohanes, & Salimin, N. (n.d.). Kepentingan Pendidikan Seksual dalam Guru Pendidikan Awal Kanak-kanak di Sabah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 14(2), 116-124. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.8.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.2.8.2025>

ABSTRAK

Pendidikan seksual perlu diperkenalkan di peringkat awal bagi menjamin kesejahteraan kanak-kanak dan memberi pendedahan kepada mereka tentang cara menjaga keselamatan dalam membantu kanak-kanak memahami konsep asas seperti keselamatan diri, kebersihan diri, dan batasan tubuh. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk meneroka kepentingan pendidikan seksual dalam pendidikan awal kanak-kanak. Responden kajian terdiri daripada enam orang guru prasekolah yang berkhidmat lebih daripada lima tahun di sebuah daerah di Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan soalan temu bual separa struktur. Data dianalisis secara manual berdasarkan tema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan seksual memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran kanak-kanak terhadap keselamatan diri, mengurangkan risiko penderaan seksual, dan membina keyakinan diri mereka. Pendidikan ini juga membantu menyediakan kanak-kanak menghadapi perubahan fizikal dan emosi pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini memberi impak yang sangat besar terhadap perlunya pendidikan seksual ini diketengahkan dengan lebih mendalam di peringkat awal untuk memberikan asas kukuh kepada kanak-kanak dalam usaha membantu perkembangan psikososial mereka dan menyeru kepada sokongan yang lebih kukuh daripada pihak ibu bapa dan masyarakat.

Kata kunci: Pendidikan seksual, prasekolah, keselamatan diri

ABSTRACT

Sexual education needs to be introduced at an early stage to ensure the well-being of children and to expose them to how to maintain safety in helping children understand basic concepts such as personal safety, personal hygiene, and body boundaries. Therefore, this study aims to explore the importance of sexual education in early childhood education. The study respondents consisted of six preschool teachers who had served for more than five years in a district in Sabah. This study used a qualitative approach using semi-structured interview questions. The data was manually analyzed based on themes. The study findings showed that sexual education plays an important role in increasing children's awareness of personal safety, reducing the risk of sexual abuse, and building their self-confidence. This education also helps prepare children to face physical and emotional changes in the future. Therefore, this study has a huge impact on the need for sexual education to be highlighted more deeply at an early stage to provide a strong foundation for children in an effort to help their psychosocial development and calls for stronger support from parents and the community.

Keywords: Sexual education, preschool, personal safety

PENGENALAN

Pendidikan seksual awal di peringkat prasekolah menjadi penting dalam membendung isu penderaan seksual dan jenayah rogol dalam kalangan kanak-kanak. Kajian menunjukkan peningkatan kanak-kanak di Malaysia yang dianiayai dari aspek gangguan seksual seperti pornografi, penyantunan seksual, dan amang seksual (Yunus et al., 2018). Berdasarkan statistik yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia untuk tempoh tiga tahun dari 2018 hingga 2020, terdapat sebanyak 13,272 kes rogol yang mewakili 59.7%, diikuti dengan kes cabul sebanyak 6,014 kes (27.04%), sumbang mahram 1,766 kes (8.07%), dan kes luar tabii sebanyak 1,152 kes (5.18%) (Nazura et al., 2017).

Statistik ini sangat membimbangkan kerana kanak-kanak merupakan mangsa yang lemah yang mempunyai perasaan takut dan malu untuk mengadu kepada ibu bapa. Jenayah seksual ini boleh diatasi sekiranya ibu bapa mempunyai kesedaran awal untuk mengelak kejadian pencabulan berlaku terhadap anak mereka (Eka Ramly, Azizah Zain dan Zarina Eshak, 2020). Namun begitu terdapat segelintir ibu bapa yang masih tidak mempunyai pemikiran terbuka walaupun hakikatnya pelaksanaan pendidikan seksual memberi impak yang besar terhadap kesejahteraan anak-anak mereka.

Kerajaan bergerak aktif dengan memperkenalkan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) sebagai sebahagian kurikulum kebangsaan (KPM 2017). Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) PEERS telah diintegrasikan dalam Tunjang Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan bagi memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak tentang pendidikan seksual. Namun begitu, sukatan pelajaran di sekolah hanya mengikis permukaan kerana ia memberi tumpuan dari segi saintifik pembiakan, dan kanak-kanak tidak diberi pendedahan yang lebih mendalam mengenai pendidikan seksual yang bercirikan keselamatan diri serta perhubungan antara keluarga, pengasuh, jiran dan rakan sebaya (Zarina Eshak, 2021). Hal ini telah menyebabkan liputan elemen seksualiti dalam kurikulum masih belum menyeluruh dalam menangani permasalahan semasa berkaitan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Kesukaran dalam mengimplementasi pendidikan seksual dapat dilihat apabila guru sendiri menghadapi kekurangan strategi yang efektif dalam pengajaran, di mana pendekatan dijalankan di peringkat prasekolah masih bersifat kurang memberangsangkan dan bersifat tradisional (Khalaf et al., 2019). Selain itu, guru perlu bersedia perlu memainkan peranan penting dalam memastikan peyampaian pengajaran pendidikan seksual yang berkesan. Guru yang mengajar Pendidikan Seksual di peringkat awal mungkin menghadapi pelbagai cabaran, seperti kebimbangan tentang reaksi kanak-kanak, ibu bapa, atau pihak pentadbir. Selain itu, mereka perlu dapat menilai keperluan dan kekuatan kanak-kanak prasekolah, merancang aktiviti yang sesuai dengan keperluan tersebut, dan menyampaikan kandungan yang selaras dengan nilai-nilai komuniti. Pengetahuan dan kefahaman yang kurang boleh menyebabkan ilmu yang disampaikan tidak berkesan (Abdul Halim, Nur Ellina dan Nur Arifah, 2019). Guru juga perlu mencipta persekitaran pembelajaran yang selamat dan menggalakkan pelajar merasa selesa untuk berbincang tentang topik sensitif (Barr et al., 2014).

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada mengenal pasti kepentingan pendidikan seksual di peringkat kanak-kanak menurut pandangan guru prasekolah. Hal ini penting kerana masih terdapat segolongan besar ibu bapa yang tidak cenderung untuk mendidik anak-anak mereka tentang pendidikan seksual di rumah (Irsyad Hazim et al., 2022).

Malah, ramai ibu bapa menganggap pendidikan seksual sebagai topik yang terlarang atau 'taboo' untuk disampaikan kepada kanak-kanak (Sharia, 2023). Ibu bapa perlu kerap berinteraksi dan berkomunikasi dengan anak-anak melalui pemberian nasihat, pandangan serta dorongan (Nura Zafirah Zailan, Iylia Mohamad, 2023). Oleh itu, komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dan anak-anak menjadi aspek yang amat penting untuk mendidik anak-anak tentang pendidikan seksual. Melalui kajian ini, guru prasekolah dapat berkongsi pandangan mereka tentang manfaat yang boleh diperoleh apabila pendidikan seksual diterapkan kepada murid prasekolah, sekali gus membuka mata masyarakat tentang kepentingan pendidikan ini untuk kanak-kanak.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual sebagai kaedah pengumpulan data utama. Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai pengalaman dan pandangan guru prasekolah dalam mengimplementasikan pendidikan seksual di bilik darjah. Melalui temu bual, penyelidik dapat memperoleh data yang bersifat kontekstual dan subjektif secara langsung daripada informan.

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada enam orang guru prasekolah yang dipilih secara persampelan bertujuan. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan beberapa kriteria khusus, iaitu guru yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, berumur antara 30 hingga 50 tahun, serta berkhidmat di pelbagai jenis prasekolah termasuk institusi kerajaan dan swasta. Selain itu, guru-guru yang dipilih berasal dari pelbagai lokasi termasuk kawasan bandar dan luar bandar bagi memberikan perspektif yang lebih pelbagai dan komprehensif terhadap isu yang dikaji.

Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual separa berstruktur. Soalan-soalan temu bual dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan telah disemak oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak bagi memastikan kesesuaian, kejelasan dan kesahan kandungan. Sebelum temu bual sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dilaksanakan ke atas dua orang guru prasekolah untuk menguji kefahaman dan keberkesanan protokol temu bual. Hasil daripada kajian rintis ini digunakan untuk menambah baik reka bentuk soalan dan gaya pendekatan semasa sesi temu bual.

Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilaksanakan secara sistematik melalui beberapa peringkat utama. Selepas penyediaan protokol temu bual dan pelaksanaan kajian rintis, penyelidik mengenal pasti dan menghubungi informan yang memenuhi kriteria pemilihan.

Sesi temu bual dilaksanakan secara dalam talian menggunakan platform *Google Meet* bagi memudahkan penglibatan guru-guru yang terlibat, khususnya dalam situasi kekangan masa dan lokasi. Setiap sesi temu bual berlangsung selama antara 45 hingga 60 minit. Perbualan dirakam menggunakan perakam audio digital, dan catatan lapangan turut dibuat bagi menangkap maklumat bukan lisan dan reaksi spontan informan yang relevan.

Bagi memastikan kebolehpercayaan dan kesahihan data, beberapa strategi telah digunakan. Kaedah semakan ahli (member checking) dijalankan dengan memberikan transkrip temu bual kepada informan untuk pengesahan maklumat yang diperoleh. Penyelidik juga menyediakan laluan audit (audit trail) yang merangkumi dokumentasi lengkap bagi setiap langkah kajian termasuk keputusan, proses refleksi, dan justifikasi. Triangulasi digunakan melalui perbandingan data daripada pelbagai latar belakang guru bagi mengenal pasti corak atau ketekalan dalam tema yang dibentuk.

Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik berpandukan enam fasa seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses analisis dimulakan dengan membaca berulang kali transkrip temu bual untuk membiasakan diri dengan data. Seterusnya, kod awal dikenal pasti secara induktif berdasarkan makna yang muncul daripada data. Kod-kod ini kemudiannya dikumpulkan ke dalam tema-tema yang berpotensi. Tema-tema tersebut disemak dan diperhalusi sebelum dinamakan secara jelas. Akhirnya, tema-tema utama dihuraikan secara naratif dalam laporan kajian. Analisis dilakukan secara manual tanpa bantuan perisian komputer seperti NVivo memandangkan skala data adalah kecil dan dapat diuruskan secara efisien oleh penyelidik sendiri.

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Mengenal pasti Kepentingan Pendidikan Seksual di Peringkat Kanak-Kanak Menurut Pandangan Guru Prasekolah

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan seksual di peringkat prasekolah dianggap sangat penting oleh guru-guru yang terlibat dalam kajian ini. Semua responden bersetuju bahawa pendidikan seksual perlu diperkenalkan pada usia awal kanak-kanak untuk membantu mereka memahami konsep asas mengenai tubuh mereka, batasan peribadi, dan keselamatan diri. Berdasarkan temu bual yang dilakukan, terdapat tiga tema utama yang muncul berkaitan dengan kepentingan pendidikan seksual kepada kanak-kanak prasekolah:

Tema 1: Kepentingan Pendidikan Seksual kepada Kanak-Kanak Prasekolah

Responden menyatakan bahawa pendidikan seksual adalah penting untuk memastikan kanak-kanak memahami hak-hak mereka berkaitan dengan tubuh dan keselamatan diri. Guru-guru melihatnya sebagai langkah pencegahan terhadap penderaan seksual dan salah faham mengenai tubuh mereka. Menurut responden, pengenalan kepada pendidikan seksual pada peringkat awal dapat memberi kesedaran kepada kanak-kanak mengenai apa yang selamat dan tidak selamat. Responden menyatakan:

"...Pendidikan seksual sangat penting terutama pada zaman sekarang..." G1

"...Pandangan peribadi saya ni kan tentang pendidikan seksual ni penting..." G2

"...Pendidikan ini penting..." G3

"...Pendidikan seksual untuk kanak-kanak prasekolah penting..." G4

"...Penting kerana banyak isu rogol kanak-kanak..." G5

"...sangat perlulah di ajar..." G6

Petikan di atas menggambarkan keprihatinan guru terhadap peningkatan kes jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak dan keperluan mendesak untuk intervensi awal melalui pendidikan seksual. Para guru melihat pendidikan ini sebagai langkah pencegahan awal bagi melindungi kesejahteraan murid.

Tema 2: Manfaat Utama Pendidikan Seksual kepada Kanak-Kanak Prasekolah

Manfaat utama yang dijelaskan oleh guru-guru adalah untuk mengelakkan penderaan seksual serta membantu kanak-kanak memahami konsep batasan tubuh mereka. Responden juga berpendapat bahawa pendidikan seksual memberi asas yang penting untuk menjaga harga diri kanak-kanak. Selain itu, ia mempersiapkan mereka untuk menghadapi situasi-situasi sosial yang melibatkan pergaulan dan memahami konsep sentuhan yang selamat. Sebagai contoh, responden menyatakan:

"...Pendidikan seksual membantu kanak-kanak menjaga kebersihan diri, memahami sentuhan selamat, dan mengelakkan penderaan seksual..." G1

"...Bagi saya, pendidikan seksual ni bukan saja untuk mengelakkan penderaan, tapi juga untuk bantu kanak-kanak faham tentang harga diri mereka..." G2

"...Pendidikan seksual menyediakan mereka menghadapi akil baligh..." G3

"... ia juga memberi mereka pemahaman tentang batas pergaulan. Jadi, mereka tahu bila masa nak berkata 'Tidak'..." G4

" memberi rasa berani untuk katakan tidak kepada orang yang tidak dikenali..." G5

"...sangat membantu terutamanya kepada anak perempuan dalam memberi mereka kefahaman tentang pendidikan seksual..." G6

Daripada petikan ini, jelas bahawa guru memahami pendidikan seksual secara holistik yang meliputi pembangunan fizikal, emosi dan sosial kanak-kanak. Pendidikan ini dapat memperkukuh keyakinan diri dan keupayaan kanak-kanak untuk bertindak balas secara sesuai terhadap situasi yang mencurigakan.

Tema 3: Pengalaman Peribadi Guru yang Membuktikan Kepentingan Pendidikan Seksual

Beberapa guru berkongsi pengalaman mereka yang mengesahkan kepentingan pendidikan seksual. Responden memberikan contoh situasi di mana kanak-kanak dapat melindungi diri mereka daripada gangguan seksual selepas mempelajari konsep sentuhan yang tidak selamat. Sebagai contoh, responden berkongsi:

"...Seorang dari murid yang saya ajar berani melaporkan kepada saya tentang gangguan yang dialami setelah budak itu memahami konsep 'sentuhan tidak selamat'..." G1

"...Saya pernah dengar cerita seorang kanak-kanak yang berjaya mengelakkan situasi berbahaya kerana tahu untuk berkata 'Tidak' dan kemudian kanak-kanak itu melaporkan kepada ibunya..." G2

"...pernah murid kelas saya menceritakan bagaimana ayah tirinya cuba memperkosanya tetapi dia sempat melarikan diri..." G3

Pengalaman ini memberi bukti anekdot yang kuat bahawa pendidikan seksual memberi impak langsung kepada tingkah laku dan kesedaran kanak-kanak terhadap keselamatan diri. Guru menjadi saksi kepada perubahan positif yang berlaku selepas kanak-kanak mendapat pendidikan yang betul tentang hak dan batasan tubuh mereka.

Jadual 1:

Rumusan Tema dan Contoh Petikan Temu Bual

Tema	Subtema	Contoh Petikan Temu Bual
Tema 1: Kepentingan Pendidikan Seksual	Kesedaran awal dan perlindungan diri	“...Pendidikan seksual sangat penting terutama pada zaman sekarang...” – G1
Tema 2: Manfaat Utama	Faham sentuhan selamat, harga diri, akil baligh	“...ia juga memberi mereka pemahaman tentang batas pergaulan...” – G4
Tema 3: Pengalaman Guru	Keberanian melapor, elak situasi bahaya	“...berani melaporkan kepada saya tentang gangguan yang dialami...” – G1

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Perbincangan dan implikasi kajian ini memfokuskan kepada peranan pendidikan seksual di peringkat prasekolah, strategi pengajaran guru, dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan pendidikan tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pendidikan seksual di peringkat awal memainkan peranan penting dalam membina asas perkembangan holistik kanak-kanak, terutamanya dalam aspek keselamatan diri, kebersihan, harga diri dan batasan pergaulan.

Pada peringkat usia prasekolah, kanak-kanak berada dalam fasa perkembangan pesat dari segi kognitif dan sosial (Piaget, 1952). Justeru, pengenalan awal kepada pendidikan seksual yang sesuai umur membolehkan mereka memahami konsep asas seperti tubuh badan, sentuhan selamat dan tidak selamat, serta siapa yang boleh dipercayai. Pemahaman ini amat penting bagi memperkasakan kanak-kanak agar lebih bersedia menghadapi persekitaran sosial yang kompleks.

Pendidikan seksual yang menekankan konsep sentuhan selamat bukan sahaja berfungsi sebagai pelindung awal daripada risiko penderaan seksual, malah membentuk kesedaran sendiri dan harga diri. Finkelhor (2009) menegaskan bahawa pendedahan awal ini dapat membantu kanak-kanak mengenal pasti situasi berisiko dan melaporkannya kepada orang dewasa yang dipercayai. Hal ini turut disokong oleh kajian Smith (2018) yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang menerima pendidikan seksual sejak prasekolah lebih cenderung mengelakkan eksploitasi.

Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa pendidikan seksual membantu membentuk amalan kebersihan diri yang baik sejak kecil, termasuk penjagaan organ tubuh. Ini bukan sahaja menyumbang kepada kesihatan fizikal tetapi juga persediaan mental menghadapi perubahan fisiologi menjelang akil baligh (WHO, 2010; UNESCO, 2018).

Namun begitu, pelaksanaan pendidikan seksual di Malaysia tidak dapat dipisahkan daripada latar budaya dan sensitiviti agama. Dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan majoriti beragama Islam, isu pendidikan seksual perlu disampaikan dengan berhati-hati dan berhemah. Nilai adab, kesopanan, dan pemeliharaan maruah adalah teras dalam masyarakat Melayu-Islam. Maka, pendekatan yang digunakan oleh guru perlu selari dengan ajaran agama dan nilai tempatan. Contohnya dengan menggunakan istilah yang sesuai, penekanan kepada batas pergaulan dan aurat, serta penerapan nilai murni dalam pengajaran.

Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan keupayaan untuk mengintegrasikan nilai budaya dan agama dalam menyampaikan pendidikan seksual, menjadikannya relevan dan lebih mudah diterima oleh komuniti. Justeru, guru bukan sahaja bertindak sebagai pendidik tetapi juga sebagai agen normalisasi topik yang sering dianggap tabu oleh masyarakat.

Implikasi penting daripada dapatan ini ialah keperluan untuk menyemak semula kandungan kurikulum sedia ada seperti Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEERS), agar lebih inklusif dan tidak hanya tertumpu kepada aspek biologi dan saintifik. Modul tersebut wajar memperluas skop kepada elemen emosi, keselamatan diri dan pemahaman psikososial yang sesuai dengan budaya tempatan. Selain itu, latihan guru juga perlu diperkukuh melalui pembangunan modul khas berkaitan pendidikan seksual untuk peringkat prasekolah (Eka Ramly, Azizah Zain dan Zarina Eshak, 2020). Latihan ini harus memberi penekanan kepada pedagogi berasaskan nilai, kemahiran komunikasi tentang topik sensitif, dan pemahaman mendalam tentang keperluan perkembangan kanak-kanak dari pelbagai latar belakang budaya. Guru perlu dilengkapi dengan kemahiran untuk mendidik secara berhikmah serta mengurus reaksi ibu bapa dan komuniti dengan berkesan (Zarina Eshak, 2021).

Akhir sekali, pendidikan seksual yang disampaikan secara holistik di peringkat awal bukan sahaja melindungi kanak-kanak tetapi juga membina generasi yang lebih terbuka, bertanggungjawab dan beretika dalam memahami kesihatan seksual. Ini memberi kesan positif jangka panjang bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada kestabilan dan kesejahteraan sosial masyarakat Malaysia.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pendidikan seksual di peringkat prasekolah merupakan langkah awal yang penting dalam membentuk perkembangan holistik kanak-kanak. Kajian ini menunjukkan bahawa pemahaman awal tentang keselamatan diri, kebersihan, sentuhan selamat dan batasan pergaulan dapat melindungi kanak-kanak daripada risiko eksploitasi serta membekalkan mereka dengan keyakinan dan kemahiran sosial yang penting untuk fasa perkembangan seterusnya. Bagi memastikan keberkesanan pendidikan seksual di peringkat awal ini, beberapa cadangan praktikal perlu dipertimbangkan. Pertama, latihan guru prasekolah perlu diperkukuhkan dengan modul khusus berkaitan pendidikan seksual yang merangkumi aspek pedagogi sensitif budaya, komunikasi berkesan dan nilai agama. Guru harus dibekalkan dengan kemahiran untuk mengurus penyampaian topik sensitif secara profesional dan bersesuaian umur.

Kedua, libat urus dengan ibu bapa perlu dijadikan komponen penting dalam pelaksanaan pendidikan seksual di prasekolah. Bengkel atau sesi perbincangan boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman dan sokongan ibu bapa terhadap keperluan pendidikan seksual, di samping menjelaskan kandungan dan pendekatan yang digunakan di sekolah. Ketiga, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan perlu memperkukuh dasar sedia ada dengan mengintegrasikan elemen pendidikan seksual yang menyeluruh dalam kurikulum prasekolah secara eksplisit dan sistematik, termasuk aspek psikososial dan nilai murni. Dasar ini perlu disokong dengan garis panduan yang jelas serta pemantauan pelaksanaan di peringkat institusi. Dari sudut penyelidikan, kajian ini mempunyai batasan dari segi bilangan informan yang terhad kepada enam orang guru prasekolah dari satu daerah sahaja. Justeru, dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada semua latar pendidikan atau wilayah di Malaysia.

Cadangan untuk kajian masa hadapan termasuk perluasan skop kajian kepada ibu bapa dan pentadbir sekolah untuk memahami cabaran pelaksanaan dari perspektif yang lebih menyeluruh. Kajian longitudinal juga boleh dijalankan untuk menilai impak jangka panjang pendidikan seksual awal terhadap perkembangan psikososial dan keselamatan kanak-kanak. Melalui langkah yang sistematik dan kolaboratif, pendidikan seksual prasekolah berpotensi menjadi strategi pencegahan utama dalam melindungi kanak-kanak serta membentuk generasi yang lebih berpengetahuan, yakin dan beretika dalam menangani isu-isu berkaitan kesihatan dan keselamatan diri.

RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony, & Nur Arifah Syahindah Zainudin (2019). Pengetahuan pengajaran dalam kalangan guru prasekolah: The knowledge of teaching among preschool teachers. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33-41. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol8.5.2019>
- Adeyemi, B. B. (2024). Reliability and Validity in Quantitative Research. In H. Bui (Ed.), *Applied Linguistics and Language Education Research Methods: Fundamentals and Innovations* (pp. 86-102). IGI Global. <https://doi.org/10.4018/979-8-3693-2603-9.ch007>
- Arslan, E. (2022). NİTEL ARAŞTIRMALARDA GEÇERLİLİK VE GÜVENİLİRLİK. *Pamukkale Üniversitesi Sosyal Bilimler Enstitüsü Dergisi*(51), 395-407. <https://doi.org/10.30794/pausbed.1116878>
- Barr, Elissa & Goldfarb, Eva & Russell, Susan & Seabert, Denise & Wallen, Michele & Wilson, Kelly. (2014). Improving Sexuality Education: The Development of Teacher-Preparation Standards. *Journal of School Health*. 84. 10.1111/josh.12156.
- Dr., Mamta, Rani., Ms., Neetu. (2024). Traditions of Learning and Role of Teachers: An Indian Perspective. *International Journal For Multidisciplinary Research*, doi: 10.36948/ijfmr.2024.v06i02.16074
- Farhana Umhaera Patty, Ronald Darlly Hukubun, Sitti Aisa Mahu, Natalia Tetelepta, & Linansera, V. . (2022). Sosialisasi Sex Education: Pentingnya Pengenalan Pendidikan Seks pada Remaja sebagai Upaya Meminimalisir Penyakit Menular Seksual. *ABDIKAN: Jurnal Pengabdian Masyarakat Bidang Sains Dan Teknologi*, 1(2), 225–231. <https://doi.org/10.55123/abdikan.v1i2.293>
- Finkelhor, D. (2009). *The prevention of childhood sexual abuse. The Future of Children*, 19(2), 169–194. <https://doi.org/10.1353/foc.0.0035>
- Hamidaturrohman, Suciati Cahyaningrum, & Syafentina Maya Arinjani. (2023). Sex Education Strategy for Elementary School Students as an Effort to Prevent Sexual Violence. *Formosa Journal of Sustainable Research*, 2(1), 1–12. <https://doi.org/10.55927/fjsr.v2i1.2520>
- Hussein, H. (2022). Interview Method. In: Islam, M.R., Khan, N.A., Baikady, R. (eds) *Principles of Social Research Methodology*. Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-19-5441-2_14
- Irsyad Hazim Ahmad Hasmadi et al. (2022). Perspektif Ibu Bapa terhadap Pendidikan Awal Seksual kepada Kanak-kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), e001638. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1638>
- Jones, M., & Norton, L. (2020). Teacher Preparedness in Sexual Education: A Comparative Study. *International Journal of Educational Research*, 35(2), 123-137.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2017). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Khalaf, S. K., Ahmad, S. K., Ibrahim, S. N., & Hassan, M. A. (2022). Challenges in implementing comprehensive sexual education in Malaysian schools. *Journal of Education and Practice*, 13(3), 123-132. <https://doi.org/10.7176/JEP/13-3-13>
- Lantz SE, Ray S. Freud Developmental Theory. [Updated 2022 Dec 5]. In: StatPearls [Internet]. Treasure Island (FL): StatPearls Publishing; 2024 Jan-. Available from: <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK557526/>
- Lahiri, S. (2023). A Qualitative Research Approach is an Inevitable Part of Research Methodology : An Overview. *IJFMR - International Journal for Multidisciplinary Research*, 5(3). <https://doi.org/10.36948/ijfmr.2023.v05i03.3178>
- Mr. Binit Raj. (2023). A Study to Assess the Effectiveness of Video Assisted Intervention on Good Touch and Bad Touch among School Going Children in Selected School of Sasaram. *International Journal of Advanced Research in Science, Communication and Technology (IJARSCT)*. ISSN (Online) 2581-9429
- Nazura Ngah, Hazwan Faisal Mohamad & Fahmy Azril Rosli. (2017, Julai 27). 13,272 Kes rogol kanak-kanak dilaporkan. *Berita Harian*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/>
- Nora, Mercedes, Torres, Torres., Betty, Beatriz, Salavarría, Barco., Francisco, Mera, Velásquez. (2021). Estrategias didácticas para mejorar el rendimiento académico en estudiantes de educación superior / Didactic strategies to improve academic performance in higher education students. 2(3):3905-3917. doi: 10.46932/SFJDV2N3-008
- None Ghina Fauziah, None Asep Dudi, & None Nurul Afrianti. (2023). Program Pendidikan Seks untuk Anak Usia Dini. *Bandung Conference Series Early Childhood Teacher Education*, 3(1), 37–45. <https://doi.org/10.29313/bcsecte.v3i1.8232>
- Noh, N., & Bakar, K. A. (2023). Implementation of Sexuality Education in Preschool: Challenges and Obstacles. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(1), 855–870.
- Pakpahan, F. H., & Saragih, M. (2022). Theory of cognitive development by Jean Piaget. *Journal of Applied Linguistics*, 2(2), 55–60. <https://doi.org/10.52622/joal.v2i2.79>
- Nura Zafirah Zailan & Iyilia Mohamad (2023). Satu kajian kes: Mengenalpasti kesan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak ketika di rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(1), 92-98. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.9.2023>
- Eka Najihah Ramly, Azizah Zain, & Zarina Eshak. (2020). Pengetahuan, kesedaran dan sikap ibu bapa berkenaan jenayah pedofilia terhadap kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 1-8. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.sp.1.2020>
- Rakhmawati, E., Yuliejatiningsih, Y., & Rakhmawati, D. (2024). Sexual Psychoeducation of Pre-School Children: Teachers' Strategies and Barriers in Teaching Self-Protection. *Bulletin of Counseling and Psychotherapy*, 6(1). <https://doi.org/10.51214/00202406839000>
- Reynolds, P. S. (2023). Why Pilot Studies? *BMC Medical Research Methodology*, (8): 555 – 558(281), 33–45. <https://doi.org/10.1002/9781119800002.ch4>
- Sharia Benya Jampi. 2024. Pembangunan Modul Interaktif Gen-Ai “Don’t Touch Me Games Based On Learning” Bagi Kanak-Kanak Prasekolah. [Tesis tidak diterbitkan, Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Sumo, M., & Koryataini, L. (2023). Peran Guru dalam Membangun Etika Peserta Didik. *Al-Abshar: Journal of Islamic Education Management*, 2(1), 119–141. <https://doi.org/10.58223/al-abshar.v2i1.69>
- UNESCO. (2018). *International technical guidance on sexuality education: An evidence-informed approach*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. <https://www.unesco.org>
- UNICEF. (2020). *The state of the world’s children 2020: Reimagining a better future for every child*. United Nations Children’s Fund. <https://www.unicef.org>
- Yunus, N. K. M., Yazid, Z. N. A., Abd Aziz, N. N., Ali, R., & Ahmad, S. H. (2018). Influences of paedophilic and family environmental factors on paedophilia: A preliminary study. In *Proceeding–6 th Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and People with Disabilities (PICCWED 6)* (pp. 63-69)
- World Health Organization (WHO). (2010). *Developing sexual health programmes: A framework for action*. WHO Press. <https://www.who.int>
- Zarina Eshak. (2021). *Pembinaan Modul Seksualiti PEKAsa Berasaskan Latihan Mempertahankan Diri bagi Kanak-Kanak Prasekolah*. [Disertasi Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. <https://ir.upsi.edu.my/doc.php?t=p&id=b13422fec3275a4dbb455d0989594afd667aca4c4d677>